

SAKITNYA BILA ENDOMETRIOSIS MENYERANG, RAHIM SEPERTI DIGUNTING

Oleh: Ainur Ainina binti Rosli, 1171128

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 29 Mac 2020

Tahun 2018 menjadi detik permulaan satu pengalaman ngeri. Saya diuji dengan kesakitan yang sangat dahsyat sehingga tidak mampu ditanggung oleh tubuh yang kecil ini. Ketika itu, saya mengikuti pengajian semester dua di Universiti Sains Islam Malaysia.

Senggugut datang menyerang tubuh saya secara drastik. Sejak itu, setiap kali datang haid, saya mengalami senggugut yang amat menyakitkan. Seolah-olah rahim saya digunting. Saya hanya mampu berguling-guling menahan kesakitan.

Pada awal tahun 2019, saya dibawa ke Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban dan menjalani ujian ultrabunyi. Diagnosis menunjukkan saya menghidap endometriosis tahap awal. Sejak itu, kehidupan saya berubah.

Endometriosis merupakan sejenis penyakit kronik yang dialami wanita. Lazimnya, ia berlaku apabila tisu dari selaput rahim yang dinamakan endometrium tumbuh pada bahagian yang tidak sepatutnya iaitu di luar rahim. Jika tidak dirawat, ia akan membahayakan diri dan menyebabkan pesakit sukar hamil.

Merujuk laporan Metro, perunding perbidanan dan sakit puan, Dr. Jaspal Singh menjelaskan, wanita yang kerap mengalami senggugut ketika datang haid berisiko menghidap endometriosis.

Punca penyakit ini sukar dikesan dan pesakit hanya mengetahui tentang endometriosis yang dihadapi selepas menjalani ujian ultrabunyi selain selalu mengalami senggugut sebelum, ketika dan selepas datang haid.

Masalah itu berlaku apabila darah kotor tersekat dan membentuk ketulan. Endometriosis juga kebiasaannya terjadi pada wanita dalam lingkungan umur 20-an dan 30-an.

Setiap bulan, saya menanggung kesakitan yang sama. Air mata menjadi teman setia ketika saya berasa sangat tidak berdaya menanggung ujian ini.

Antara masalah yang dihadapi adalah sukar bangun, tidak dapat berjalan, loya, cirit-birit, sakit ketika buang air kecil, lemah dan hampir pitam. Pada waktu itu, hanya keluarga yang membantu saya menguruskan segala-galanya seperti makan, minum dan mandi.

Penyakit ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan malah memberi kesan buruk terhadap mental saya. Kesakitan yang dialami menyebabkan saya terpaksa mengambil cuti selama dua hari dan tidak dapat menghadiri kuliah.

Saya sedih apabila tidak dapat meyakinkan orang di sekeliling bahawa saya dalam kesakitan. Selain itu, saya menangis tanpa sebab kerana memikirkan mengapa saya menyusahkan ibu bapa saya.

Kenapa saya membazirkan wang mereka untuk rawatan saya di klinik dan hospital? Persoalan itu sering bermain dalam fikiran saya.

Ibu pernah bertanya kepada doktor tentang cara untuk menyembuhkan endometriosis. Doktor menyarankan agar saya dikahwinkan. Namun, seperti yang dinyatakan oleh Dr. Jaspal Singh, kehamilan tidak dapat menyembuhkan penyakit ini.

Metro turut melaporkan, Penasihat Pusat Endometriosis Boston di Massachusetts, Amerika Syarikat, Dr Pamela Stratton menjelaskan bahawa endometriosis tidak boleh disembuhkan. Yang ada cuma rawatan untuk melegakan kesakitan melalui suntikan atau memakan tablet.

Kini, saya masih mengalami kesakitan walaupun selepas menelan ubat penghilang kesakitan. Ternyata, kaedah itu tidak berkesan seperti yang diharapkan.

Saya hanya mampu berulang-alik ke klinik untuk mendapatkan suntikan kerana cara ini sahaja yang dapat melegakan sedikit kesakitan. Di samping itu, rawatan susulan dengan doktor sakit puan di hospital dilakukan dari semasa ke semasa.

Semasa menjalani rawatan susulan tahun lalu, doktor memberi saya dua pilihan sama ada mengambil pil perancang atau pil hormon. Saya hanya mampu terdiam. Sehingga kini, saya masih tiada jawapan.



